



**Ekspo Selangkah Ke
UITM 2016**

**Karnival Pendidikan
Tinggi Negara**

Majlis Pelancaran iM4U

**FSPU Raih Kemenangan
Peringkat Kebangsaan**

**YBhg. Prof Emeritus
Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor UiTM
Yang Baharu**

**UiTM Cemerlang di
ITEX 2016**

Sambutan
100 HARI
PENTADBIRAN NAIB CANSOLOR
& KONFERENSI AKADEMIK 2016



ITEX 2016 [27th International Invention & Innovation Exhibition] adalah salah satu pameran rekacipta terbesar di dunia dan telah berlangsung pada 12-14 Mei 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) Malaysia, yang disertai oleh lebih daripada 20 negara dari Asia, Eropah serta negara Timur Tengah.

ITEX 2016 merupakan pameran tahunan dan mempunyai 23 kategori ciptaan berkaitan dengan inovasi atau teknologi. Tujuan utama ITEX pada tahun ini adalah mengenal pasti produk/teknologi/reka cipta yang boleh dikomersialkan. Lebih 1000 produk/teknologi/reka cipta oleh saintis penyelidikan, institusi penyelidikan, pencipta individu, pencipta muda dan syarikat dari dalam dan luar negara telah dipertandingkan.

Pada tahun ini, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menghantar 30 penyertaan produk/teknologi/rekacipta di ITEX 2016 dan telah berjaya memenangi dua (2) Anugerah Khas iaitu: *Asian Invention Excellence Award 2016* yang dianugerahkan kepada YBhg Prof. Dr Ku Halim Ku Hamid dan

Mohibah Musa dari Fakulti Kejuruteraan Kimia bagi reka cipta bertajuk "*Non Catalytic Reaction in Methyl Ester Production from Crude Palm Oil (CPO)*". Seterusnya YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohd Zaki Salleh, Profesor Dr. Teh Lay Kek, Mohd Nur Fakhruzzaman Noorizhab dan Dr. Mohamad Izwan Ismail dari Pusat Kecemerlangan *Integrative Pharmacogenomics Institute (iPROMISE)* pula telah berjaya memenangi *The Japan Intellectual Property Association Award* bagi *Best Invention in Biotechnology* melalui rekacipta "*Pharmacodiagnosics of HLA-B* 15:02 for Precision Medicine*".

Selain itu kontinjen UiTM pada ITEX 2016 telah berjaya merangkul 17 pingat emas yang mana 6 kemenangan pingat emas melalui penyertaan hasil reka cipta oleh Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) Accounting Research Institute (ARI) dan 1 pingat emas dimenangi oleh Pusat kecemerlangan *Infrastructure Engineering and Sustainability Management (IESM)*. Kontinjen UiTM juga telah berjaya memenangi 9 pingat perak dan 3 pingat gangsa.





MALAYSIA
Sehatisejiwa

Sambutan Hari

KEMERDEKAAN **2016**

Merdeka...! Merdeka...! Merdeka...!

#Sehati Sejiwa



KONSEP & REKA BENTUK:
BAHAGIAN CANSALERI DAN KOMUNIKASI KORPORAT